

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 14 (A129)**

Apakah perancangan khusus kerajaan negeri untuk membantu penduduk kawasan kampung atau luar bandar memiliki rumah sendiri dan adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk mewujudkan projek perumahan khusus untuk generasi kedua kawasan kampung?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2023, Kerajaan Negeri melalui PKPJ telah memperuntukan sebanyak RM 5 juta bagi penyediaan Rumah Ihsan Johor (RIJ) yang mensasarkan pembinaan 50 unit rumah untuk golongan miskin dan miskin tegar terutamanya di Kawasan luar bandar.

Selain itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui Lembaga Kemajuan Johor Tenggara turut membina rumah kos rendah sesebuah melalui Program Perumahan Kampung Tersusun.

Sehingga tahun 2017, sebanyak 529 unit telah disediakan melibatkan 5 buah projek iaitu Kg, Tuan Seh, Kg, Punggai, Kg Semanggar Dalam, Kg Mawai dan Perkampungan Nelayan Tanjung Balau.

Terdapat 2 projek lagi yang akan disiapkan menjelang tahun 2023 iaitu di Kampung Paya Layang-Layang (132 unit) dan Kg Tanjung Buai (56 unit) dibawah pengurusan KEJORA.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 15 (A73)**

Tempoh khidmat Ahli Lembaga Pelawat Hospital telah tamat pada Mei 2022. Mengapa sehingga kini, masih belum ada pelantikan Ahli Lembaga Pelawat yang baru untuk di dalam usaha kita membantu menjadi penghubung antara masyarakat dan orang ramai?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Untuk makluman YB Penggaram, Lantikan baru Ahli Lembaga Pelawat Hospital bagi Hospital Kerajaan di Negeri Johor telahpun dikeluarkan untuk tempoh satu tahun bermula 1 Jun 2022 sehingga 31 Mei 2023.

Sebagaimana amalan yang telah diamalkan sebelum ini, pencalonan ALPH adalah dari semua bahagian Parti Politik yang dimajukan ke Pejabat YBMK melalui Setiausaha Politik YB Menteri. Buat masa ini, pelantikan untk ALPH HSNI Batu Pahat masih belum diperolehi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 16 (A135)**

Wujudnya bandar perabot Malaysia di Bakri turut memberi kesan limpahan ekonomi dan peluang pekerjaan kepada warga tempatan. Dicadangkan diwujudkan Pusat Latihan Kemahiran berasaskan perkayuan dan perabot yang bukan sahaja sebagai hub Pendidikan malahan membekalkan pasaran tenaga mahir khususnya anak tempatan.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman YB Bukit Naning, Muar Furniture Park merupakan sebuah projek yang diterajui oleh tetuan Johor Corporation (JCORP). Setakat ini, kerja tanah dan infrastruktur sedang dilakukan di atas tapak pembinaan dan dijangkakan tapak akan diserahkan kepada pembeli dan pengusaha industri hujung tahun ini.

Bagi cadangan pengwujudan Pusat Latihan Kemahiran berasaskan perkayuan dan perabot bagi adalah merupakan satu cadangan yang baik bagi menyokong pembangunan dalam sektor ini.

Namun begitu, cadangan ini haruslah dilihat secara menyeluruh sesuai dengan 'supply and demand' (dengan izin) ekonomi semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 17 (A46)**

Minta dinyatakan usaha Kerajaan Negeri merangka Projek Tebatan Banjir dan kajian membina rumah pam di kawasan Kampung Sri Gading dan sekitarnya yang menghadapi masalah banjir setiap kali hujan lebat.

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Kejadian banjir yang berlaku di Kampung Sri Gading adalah berpunca dari pertembungan air pasang dan juga hujan lebat yang berterusan serta kapasiti Parit Sri Gading yang tidak mampu menampung kapasiti air larian hujan yang masuk ke dalam parit tersebut. Pertambahan kapasiti air larian hujan juga turut disumbangkan oleh air larian hujan dari Taman Pura Kencana yang tidak mempunyai struktur kawalan air larian permukaan, memandangkan taman tersebut telah dibina sebelum adanya Manual Saliran Mesra Alam yang mana menjadi syarat setiap projek pembangunan. Kawasan kampung tersebut juga terletak di tepi sungai dan merupakan kawasan rendah yang mudah dinaiki air.

Pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan penggalian parit tersebut bagi memastikan parit tersebut berfungsi dengan efektif. Setiap tahun parit tersebut akan diselenggara setahun sekali dengan anggaran kos sebanyak RM 50,000.00 setahun.

Bagi penyelesaian secara total isu banjir di kawasan ini, Jabatan Pengairan dan Saliran telah memohon Rancangan Tebatan Banjir Bandar Batu Pahat kepada pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air yang mana menerusi projek ini, parit di kawasan ini akan dinaiktaraf, penggalian sungai bagi membuang kelodak dan ban akan dibina bagi mengurangkan risiko banjir kawasan tersebut sehingga 90% dengan tahap perlindungan sehingga 200ARI.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 18 (A29)**

Berapakah panjang sistem paip jenis Asbestos Cement (AC) di daerah Muar yang telah diganti serta nyatakan jumlah kos yang telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penggantian paip ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Pihak Ranhill SAJ melalui rancangan perniagaan yang diluluskan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah merancang dan melaksanakan Program Penggantian Paip Lama di seluruh negeri Johor terutamanya penggantian paip “*asbestos cement*” (AC) yang memperuntukan kos sebanyak RM280 juta serta melibatkan kira-kira 233.7km paip yang akan diganti sebagai alternatif efektif menyelesaikan masalah gangguan bekalan air kepada pengguna.

Terkini pihak Ranhill SAJ sedang melaksanakan kerja-kerja penggantian paip di daerah Muar dalam tahun 2022 dan juga untuk tahun 2023 adalah sepertimana berikut:-

- a) Penggantian paip 1070 meter di Jalan Ibrahim.
- b) Penggantian paip 2220 meter di Jalan Teluk Rimba, Tangkak.
- c) Penggantian paip 11988 meter di Bakri NV.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 19 (A36)**

Jalan penghubung Muar-Batu Pahat merupakan laluan utama penduduk tempatan dan orang luar berkunjung ke daerah-daerah ini. Adakah kerajaan mempunyai perancangan menaiktaraf jalan tersebut daripada 2 lorong kepada 4 lorong supaya kesesakan dapat diminimakan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Jalan Muar - Batu Pahat adalah laluan FT005 yang menyambungkan Bandar Muar (Jalan Abdul Rahman) ke Batu Pahat (melalui Semerah). Berdasarkan maklumat Kajian Tahunan Trafik, RTVM 2021 yang dilaksanakan di salah satu stesen dalam laluan tersebut, data menunjukkan laluan 2 lorong tunggal sedia ada ini mampu menampung kapasiti trafik sedia ada dengan 'Level of Service (LOS)' semasa adalah "B".

Sehubungan itu, belum ada cadangan dan keperluan untuk menaiktaraf laluan ini kepada 4 lorong berkembar buat masa ini. Walau bagaimanapun, kajian dari semasa ke semasa akan dilaksanakan sekiranya ada keperluan untuk menaiktaraf jalan ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 20 (A49)**

Masalah kesesakan jalan di simpang Jalan Muar - Segamat amat membawakan kesulitan kepada para pengguna sejak sekurang-kurangnya satu dekad yang lalu. Apakah langkah untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Antara usaha untuk mengurangkan masalah kesesakan jalan di simpang Jalan Muar -Segamat adalah menaiktaraf Laluan FT023 Segamat, Tangkak sedia ada daripada dua (2) lorong kepada empat (4) lorong secara berfasa.

Persimpangan yang dimaksudkan Yang Berhormat, terletak di jajaran pakej 1A yang akan diangkat kepada KKR pada RMK akan datang mengikut keutamaan kerajaan negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 21 (A56)**

Bilakah pelaksanaan projek pembaikan di kawasan flyover Impian Emas akan dilaksanakan? Mengikut muatan di laman sosial media MB beliau telah turun padang bagi melihat sendiri keadaan di kawasan susur Johor Bahru ke Impian Emas, dan Impian Emas ke Johor Bahru.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Permohonan peruntukan telah dimajukan kepada Cawangan Senggara Fasilitas Jalan (CSFJ) di Ibu Pejabat JKR untuk kerja-kerja pembaikan tersebut, dan kini dalam menunggu kelulusan peruntukan dengan anggaran kos sebanyak RM1.2 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 22 (A118)**

Mengapa JKR menghalang pembinaan jalan sambung melalui VBC (4.1 m) dengan alasan pelepasan ketinggian lebuh raya JKR (5.4 m), jalan sambung ini adalah jalan taman dibawah PBT seperti yang terdapat di Jalan Parlimen yang mempunyai ketinggian 4.0 m.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Isu berkaitan VBC yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini adalah dibawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walaubagaimanapun, apabila jajaran yang dicadangkan bersambung dengan jalan milik JKR ianya perlu mendapat ulasan daripada pihak JKR bagi persimpangan tersebut.

Justeru itu, kajian lalulintas dan bancian kenderaan di jalan tersebut perlu dibuat terlebih dahulu sebelum sebarang ulasan diberikan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 23 (A33)**

Kerajaan Negeri memberi peruntukan khas RM7 juta kepada Yayasan Sultanah Fatimah dan RM5 juta kepada Yayasan Sultanah Rogayah pada tahun 2022, nyatakan jenis-jenis bantuan telah disalurkan kepada Masyarakat Cina dan India serta nyatakan siapakah menerima manfaat daripada bantuan tersebut?

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman **Yang Berhormat Bentayan**, Yayasan Sultanah Fatimah dan Yayasan Sultanah Rogayah ditubuhkan bertujuan memberi bantuan berdasarkan aspek kebajikan, keusahawanan dan pendidikan masyarakat Cina dan India.

Berikut adalah jenis-jenis bantuan yang disalurkan oleh Yayasan Sultanah Fatimah:

- i. Mengelolakan rumah kebajikan untuk anak – anak yatim
- ii. Mengelolakan rumah perlindungan untuk ibu – ibu tunggal
- iii. Mengelolakan rumah kebajikan untuk warga tua dan tidak berupaya
- iv. Mengelolakan tempat kemajuan Pendidikan untuk budak – budak miskin
- v. Mengelolakan aktiviti untuk kemajuan kebudayaan dan kesenian

Manakala Yayasan Sultanah Rogayah bertujuan membantu masyarakat India yang kurang berkemampuan dalam hal kebajikan, pendidikan dan kewangan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 24 (A2)**

Bolehkah dikongsikan maklumat berkaitan berapakah jumlah permit yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan kepada pengusaha pengeluar pasir di kawasan Teriang dan berapakah hasil yang diperoleh oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Endau, terdapat 14 pengusaha pengeluar pasir yang telah diberikan kebenaran untuk menjalankan aktiviti pengeluaran pasir di kawasan Teriang.

Hasil yang diperoleh oleh kerajaan negeri adalah sebanyak RM537,477 bagi tempoh empat tahun dengan pecahan hasil sebanyak RM4,305 bagi tahun 2019; RM27,202 (2020); RM177,415 (2021) dan RM328,555 (2022).

Untuk makluman dewan yang mulia, bahan batuan juga adalah penyumbang hasil yang tinggi kepada kerajaan negeri untuk kategori hasil bukan cukai. Sehingga November 2022, hasil bahan batuan ini telah menyumbang sebanyak sejumlah 110.19 peratus bersamaan RM 51.9 juta.

Sehubungan itu, bagi tujuan pengalihan bahan batuan, setiap pengusaha bertanggungjawab mengisytiharkan kepada Pentadbiran Tanah (PTD) jenis pengangkutan yang digunakan, had muatan, jenis bahan batuan, masa dan tarikh sebelum Permit pengalihan 4C dikeluarkan.

Sekiranya terdapat pengubahsuaian pada kenderaan, pengusaha dikehendaki merujuk kepada agensi terlibat iaitu Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk kelulusan dan pengesahan.

Pentadbiran Tanah Negeri hanya bertanggungjawab terhadap permit pengalihan yang dikeluarkan sebagaimana peruntukkan dalam Seksyen 71 dan Seksyen 72 Kanun Tanah Negara 1965.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 25 (A123)**

Siapakah pemilik tanah PTD 5203 yang kemudian menjadi PTD 6251 hingga PTD 6272 melalui SBKS, dan kronologi pemilik-pemilik sebelum di pindah milik kepada Steadfast Properties pada 2022?

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Mengkibol, asal tanah ini dikenali dengan Lot 595 yang berpegang dengan GRN 361 seluas 121.962 hektar (301e.1r.20p) yang telah didaftarkan kepada penama Tan Eng Yim pada 16.9.1913 dan syarat nyata tanah adalah nil (tiada).

Pada 25.1.1944 hakmilik ini telah menjadi hakmilik sambungan kepada Lot 3314 yang berpegang dengan CT 326 seluas 121.962 hektar (301e.1r.20p) daftar terakhir sebelum permohonan Pecah Bahagian didaftarkan kepada Federal Land Commisioner 6/10 bahagian, Kwek Hong Khai 1/10 bahagian, Kwek Hong Png 2/10 bahagian, dan Kwek Hong Leong 1/10 bahagian.

Tanah Lot 3314 ini telah ada permohonan pecah sempadan secara SBKS pada tahun 1968 menjadi :-

- a) PTD 5202 (Lot 8238) seluas 72.851 Hektar (180e.0r.03p) sebagaimana hakmilik HS(D) 293 yang didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1/1 bahagian.
- b) PTD 5203 (Lot 8239) seluas 49.137 Hektar (121e.1r.27p) sebagaimana hakmilik HS(D) 294 yang telah didaftarkan di atas nama Kwek Hong Khai ¼ bahagian, Kwek Hong Png ½ bahagian, Teo Suan Chin dan Kwek Hong Png ¼ bahagian.

Tanah PTD 5203 (Lot 8239) yang berpegang dengan HS(D) 294 ini telah ada permohonan pecah sempadan secara SBKS yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam R/M Bil.186/72 bertarikh 24.1.1972 menjadi PTD 6251 hingga PTD 6272 (22 plot).

Pecahan 22 plot dan status terkini tanah tersebut adalah sebagaimana berikut:

- a) Sebanyak 17 plot telah didaftarkan di atas nama Steadfast Properties Sdn Bhd yang diperolehi melalui pindahmilik tanah pada 23.02.2022 dan syarat nyata

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

tanah kekal sebagai nil (tiada). Kini, Pemilik tanah telah melakukan kerja-kerja pembersihan bagi tujuan pertanian di atas 17 plot tersebut.

- b) Sebanyak 4 plot iaitu PTD 6266 (Lot 9976), PTD 6267 (Lot 9977), PTD 6268 (Lot 9978) dan PTD 6269 (Lot 9979) telah dijadikan taman perumahan melalui proses SBKS. (Taman Bahagia).
- c) Sebanyak 1 plot iaitu PTD 6259 (Lot 9969) telah ada Pengambilan Balik Tanah (PBT) sebagaimana PTDK(PBT) 3/97 yang telah selesai sehingga endorsan Borang K. Agensi yang membuat PBT adalah Kementerian Pertahanan Malaysia bagi tujuan Kem Depoh Peluru.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 26 (A148)

Nyatakan amaun dan bilangan kes Scam mengikut kategori yang dilaporkan pada tahun 2020, 2021 dan 2022 serta tindakan Bank Negara terhadap bank yang terbabit.

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Terima kasih kepada **Yang Berhormat Johor Jaya** atas soalan yang dikemukakan berkaitan amaun dan bilangan kes Scam mengikut kategori yang dilaporkan bagi tempoh tahun 2020, tahun 2021 dan tahun 2022 dan tindakan Bank Negara Malaysia (BNM) terhadap bank yang terbabit.

Untuk makluman dewan yang mulia, BNM telah menetapkan bahawa industri kewangan perbankan perlu memastikan kawalan dan standard keselamatan mereka sentiasa berada pada tahap tertinggi pada setiap masa, terutamanya bagi perkhidmatan perbankan internet dan mudah alih.

BNM turut mengeluarkan panduan keselamatan kepada industri kewangan dari semasa ke semasa mengenai modus operandi penipuan terkini serta langkah keselamatan tambahan yang perlu diambil oleh bank-bank.

Kebanyakan kejadian kehilangan wang dalam akaun bank baru-baru ini berpunca bukan daripada kelemahan sekuriti atau standard keselamatan bank-bank, sebaliknya daripada kebolehan dan keupayaan penjenayah memperdaya pemilik akaun untuk menyerahkan maklumat peribadi termasuk kata laluan, kepada penjenayah.

Bagi menangani masalah ini, BNM pada 26 September 2022 telah mengumumkan lima langkah tambahan sebagai usaha mengukuhkan perlindungan terhadap penipuan atau 'scam' kewangan, iaitu dengan:

- i. Mempercepatkan peralihan daripada penghantaran kata laluan sekali sahaja (*One Time Password*, OTP) melalui sistem pesanan ringkas (atau SMS) kepada kaedah pengesahan yang lebih kukuh bagi transaksi dalam talian yang berkaitan dengan pembukaan akaun, pemindahan dana dan pembayaran serta pertukaran maklumat peribadi dan penetapan akaun (*account settings*).
- ii. Memperketat peraturan pengesanan penipuan dan sekat transaksi yang disyaki terlibat dengan aktiviti penipuan kewangan.
- iii. Mengenakan tempoh bertenang (*cooling-off period*) untuk pendaftaran kali pertama bagi perkhidmatan perbankan dalam talian atau peranti yang selamat (*secure device*).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

- iv. Pelanggan dihadkan kepada hanya satu peranti sahaja untuk pengesahan transaksi perbankan dalam talian.
- v. Menyediakan talian hotline khusus untuk pelanggan melaporkan kes penipuan dalam talian melibatkan akaun bank mereka dan meningkatkan tahap respon ke atas laporan yang dibuat.

Bank-bank juga dikehendaki untuk menyelaraskan langkah-langkah bagi memastikan kerugian kewangan tidak terus berlaku dan usaha untuk mendapatkan kembali semula wang pelanggan yang dicuri.

Ini termasuk bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan, dan menyediakan cara yang mudah untuk pelanggan menggantung (*suspend*) akaun bank mereka sekiranya akaun tersebut disyaki terlibat dengan kes penipuan, dan kemudiannya mengaktifkan semula akaun tersebut dalam tempoh masa yang munasabah selepas pengesahan oleh pelanggan dibuat.

Dalam usaha membanteras jenayah penipuan kewangan dengan lebih berkesan, BNM juga telah bekerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan National Anti-Financial Crime Centre (di bawah Jabatan Perdana Menteri) serta telah menubuhkan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC).

Pusat ini yang mula beroperasi pada 14 Oktober 2022 melalui talian 997, akan bertindak berdasarkan laporan diterima dan berusaha mendapatkan semula dana yang diseleweng, menyekat nombor telefon dan akaun penjenayah, membekukan akaun keldai serta mengambil tindakan ke atas penjenayah.

Selain itu, pihak BNM, bank-bank dan agensi-agensi penguatkuasaan akan sentiasa berwaspada dengan taktik-taktik penipuan terkini. Sebarang dapatan maklumat mengenai taktik-taktik baharu ini akan terus dikongsi kepada agensi-agensi berkaitan dan orang ramai agar mereka sentiasa berjaga-jaga terhadap ancaman penipuan kewangan ini.

Manakala, berdasarkan statistik daripada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), sebanyak 8,601 kes siasatan pelbagai kes penipuan mengikut kerugian dianggarkan bernilai RM 395,918,556.26 dilaporkan di seluruh negeri Johor bagi tempoh tahun 2020, 2021 dan 2022.

Jenis-jenis penipuan termasuk pinjaman tidak wujud, Macau scam, African scam, belian online, pelaburan tidak wujud, menyamar kenalan, no. TAC, tawaran kerja, bebas tahanan, tanah dan lain-lain tipu.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 27 (A70)

Nyatakan prestasi GLC dan GLIC di bawah pengurusan kerajaan Johor dari tahun 2013 hingga November 2022 dan usaha kerajaan negeri untuk mengatasi isu rasuah, ketirisan, dan salah guna kuasa dalam pentadbiran GLC dan GLIC.

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Perling, secara keseluruhan prestasi kewangan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah pengurusan Kerajaan Negeri dari tahun 2013 sehingga November 2022 adalah berada dalam keadaan baik dan konsisten.

Manakala purata prestasi keuntungan bagi GLC dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) pada tahun 2022 adalah antara RM8.8 juta sehingga RM 91.8 juta.

Bagi menangani isu rasuah, ketirisan dan salah guna kuasa, syarikat-syarikat GLC dan GLIC telah mengambil beberapa inisiatif dalam memastikan persekitaran perniagaan bebas rasuah dan mengikut tahap integriti, piawaian etika dan akauntabiliti tertinggi. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah:

- i. Mewujudkan polisi dan garis panduan Anti Rasuah (Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy" ABAC), Polisi Pelaporan (Whistleblowing) dan Polisi Hadiah (Gift Policy).
- ii. Ikrar anti rasuah serta deklarasi harta & liabiliti oleh pengurusan atasan dan semua anggota pekerja.
- iii. Meningkatkan kawalan anti rasuah terhadap prosedur operasi standard di jabatan / proses yang berisiko tinggi rasuah.
- iv. Memperolehi pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah.
- v. Melaksanakan program kesedaran integriti kepada anggota pekerja secara berkala.
- vi. Melaksanakan program kesedaran integriti bersama vendor/kontraktor/penyedia perkhidmatan.
- vii. Deklarasi Anti Rasuah oleh Vendor/kontraktor/penyedia perkhidmatan.
- viii. Meningkatkan kecekapan dan Pembangunan anggota pekerja melalui program Pegawai Perintegriti Bertauliah atau "CeIO".
- ix. Menerapkan prosedur dan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh SPRM melalui prinsi T.R.U.S.T.
- x. Mewujudkan Bahagian Integriti serta melantik Pegawai Integriti di setiap Jabatan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

- xi. Mendapatkan pengakreditasi ISO 37001 / MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System bagi memastikan sistem kawalan dalaman sedia ada berupaya untuk mengesan dan mencegah sebarang risiko jenayah rasuah.
- xii. Pemakaian Rajah Had Kuasa/ Discretionary Authority Limit (DAL) sebelum meluluskan sebarang perkara yang melibatkan perihal tadbir urus korporat dan perbelanjaan syarikat untuk memastikan sebarang perkara yang dilaksanakan adalah diluluskan mengikut tahap had kuasa yang ditetapkan oleh Ahli Lembaga Pengarah.

Selain itu, prestasi GLC dan GLIC kerajaan negeri boleh dilihat melalui Laporan Penyata Kewangan Tahunan yang beraudit. Berdasarkan kepada laporan tersebut, prestasi syarikat dapat dilihat sama ada dalam keadaan baik atau sebaliknya.

Berikut adalah data yang diperolehi dari penyata kewangan yang beraudit iaitu dari tahun 2013 hingga tahun 2021. Laporan Penyata Kewangan bagi tahun 2022 masih lagi belum selesai diaudit sepenuhnya.

Bagi mendukung tadbir urus korporat di setiap GLC/GLIC negeri, Kerajaan Negeri Johor melalui Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pelan Anti Rasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 telah pun dilaksanakan sebagai inisiatif dalam melonjakkan Pentadbiran Awam yang membudayakan integriti dan bebas rasuah ke arah melestari kemakmuran negeri Johor.

Strategi 5 di dalam pelan ini adalah bagi memupuk tadbir urus yang baik dalam entiti korporat telah mula dilaksanakan dengan menyemak semula polisi syarikat, memperbaharui prosedur pelaksanaan dan penubuhan jawatankuasa audit dan integriti di GLC/GLIC.

Kesemua GLC negeri telah melaksanakan Ikrar Integriti bagi mendukung amalan yang korporat sebagai teras pengurusan syarikat.

Perancangan terhadap penyediaan dan penetapan Key Performance Indicators (KPI) di GLC/GLIC turut memainkan peranan yang penting dalam pengurusan prestasi syarikat.

Dengan adanya KPI syarikat, ianya menjadi indikator pada GLC/GLIC dalam membuat pengukuran yang lebih realistik ke atas faktor-faktor utama syarikat yang perlu dicapai oleh syarikat terutamanya pendapatan.

Pelbagai usaha telah diambil oleh GLC Negeri Johor dalam memperkasakan tadbir urus korporat bagi mengelak gejala rasuah dan ketirisan berlaku di dalam syarikat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) telah mewujudkan Bahagian Integriti dan Pegawai Integriti di setiap jabatan, menubuhkan Jabatan Tadbir Urus Korporat dan bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan melaksanakan Integrity Pact dalam setiap perolehan.

Selain itu, amalan '*good governance*' yang dilaksanakan oleh Perbadanan Islam Johor (PIJ) termasuklah Sistem Pengurusan Kualiti (ISO) sejak tahun 2002 serta Sistem Pengurusan Anti Rasuah dengan melaksanakan Pensijilan ISO 37001 pada tahun 2023.

Penubuhan jawatankuasa seperti Jawatankuasa Tatatertib, Jawatankuasa Integriti, Jawatankuasa Teraju Korporat, Jawatankuasa Mengkaji Perjanjian, Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah antara inisiatif PIJ dalam meningkatkan integriti syarikat.

Penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) di Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-BIOTECH) pada 22 September 2019 turut menjadi satu indikator dalam memperkukuhkan kawalan dalaman bagi mencegah gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Kesinambungan daripada IGU, Pelan Strategik IGU Perbadanan 2021-2023 telah dirangka dalam menentukan hala tuju serta gerak kerja dengan memberi penekanan kepada tiga (3) teras strategik iaitu :

- i. Memperkasa Tadbir Urus dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan ke arah kecemerlangan Organisasi;
- ii. Memperkukuh dasar dan peraturan bagi kawal selia yang cekap; dan
- iii. Memperkasa usaha-usaha penyeliaan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi meningkatkan keutuhan organisasi

Perbadanan juga turut berusaha membangunkan Pelan Anti Rasuah Perbadanan bagi menyokong kelangsungan dalam menangani isu rasuah dan meningkatkan budaya integriti di Perbadanan dan anak syarikat. Jawatankuasa Audit dan Governans juga ditubuhkan bagi mengawasi isu rasuah, penipuan, penyelewengan dan tingkah laku yang tidak beretika dalam organisasi.

KPRJ juga telah melaksanakan inisiatif '*Limits of Delegated Authority Table*' (LDAT), Polisi Anti Rasuah, Polisi "*Whistleblowing*", *Code of Conduct & Business Ethics*, Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP), ABMS berasaskan Garis Panduan tatacara mencukupi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, '*Corruption Risk Management System*', mewujudkan Jawatankuasa Kerja Anti-Rasuah diperingkat Pengurusan, keberadaan Jabatan Integriti dan Governans yang melapor terus kepada

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

Jawatankuasa Bebas, pelaksanaan Audit dan Pengurusan Risiko di Peringkat Lembaga Pengarah.

KPRJ juga telah menerima penarafan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi oleh SPRM yang telah merekodkan status KPRJ sebagai berisiko sederhana, tiada kes rasuah berlaku pada tahun 2017 hingga 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 28 (A150)**

Isu kacau ganggu haiwan liar seperti monyet dan haiwan tidak bertuan seperti anjing liar sering terjadi dan mengakibatkan kerugian harta benda yang tinggi, apakah perancangan kerajaan negeri dalam memastikan isu ini dapat ditangani sebaiknya.

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Gangguan hidupan liar seperti kera sehingga mengakibatkan kerugian harta benda yang tinggi berpunca kepada keperluan makanan dan tempat tinggal yang semakin berkurangan untuk hidupan liar ini. Spesies kera ini akan memasuki kawasan pertanian dan penempatan manusia dan memakan tanaman dan buah-buahan yang telah diusahakan.

Terdapat pelbagai cara yang telah diambil oleh jabatan ini untuk mencegah konflik hidupan liar – manusia terutama kera daripada berlaku iaitu:

- Pemasangan perangkap kera dan melupuskan kera konflik yang telah ditangkap.
- Pemasangan papan tanda kehadiran hidupan liar.

Konflik hidupan liar – manusia tidak boleh diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat dan memerlukan kerjasama semua pihak. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai cara pencegahan yang boleh diambil oleh rakyat seperti :

- Membina perangkap kera komuniti dan menyelenggara umpan.
- Memastikan tong sampah dan tempat pembuangan sampah diselenggara, tertutup dan sampah dikutip.
- Tidak menanam pokok buah-buahan berdekatan pinggir hutan mahupun di kawasan-kawasan lapang didalam taman perumahan.
- Pemasangan papan notis larangan memberi makan kepada kera di dalam taman perumahan dan taman awam.

Jabatan ini tiada sebarang dasar atau peruntukan untuk memberi ganti rugi atau pampasan di atas kemusnahan hasil tanaman. Walau bagaimanapun, di bawah Jabatan Pertanian Johor ada menyediakan Bantuan Ihsan Bencana Alam bagi kemusnahan tanaman makanan seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran akibat serangan atau gangguan haiwan perosak. Bantuan ini terkecuali daripada projek-projek komersial dan perladangan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2022**

Sebanyak 35,970 tindakan terhadap aduan konflik hidupan liar – manusia telah diambil pada 2014 sehingga 2021. 27,390 tindakan melibatkan gangguan kera dan 3,272 tindakan untuk gangguan gajah. Bagi 2022, sebanyak 3,794 tindakan telah diambil ke atas 1,010 aduan sehingga Ogos lepas.

Sebanyak 74,797 ekor kera konflik telah dilupuskan pada 2016 sehingga 2021 bagi Pelan Tindakan Kera yang merupakan program khusus jabatan untuk membasmi konflik hidupan liar – manusia. Bagi 2022, sebanyak 6,994 ekor kera telah dilupuskan sehingga Ogos lepas.

Anjing liar, kucing liar, lembu liar, kambing liar, burung gagak, burung merpati dan rumah burung layang-layang merupakan antara contoh konflik haiwan – manusia yang tidak diselia oleh jabatan.